

| | |
|-----------|---------------|
| Newspaper | Berita Harian |
| Date | 18/2/2013 |

B2 **BISNES**

© ISIN 18 FEBRUARI 2013 **BH**

Pelan transformasi rangsang ekonomi

» **Pertumbuhan mapan seiring peningkatan kualiti hidup**



TRANSFORMASI UNPLUGGED
Idris Jala

idrisjala@pemandu.gov.my

Ketika menghadiri Forum Ekonomi Dunia di Switzerland, saya berpeluang melihat secara dekat pelbagai perbincangan dan merungkai tentang bagaimana masalah ekonomi dunia saling berkait.

Pada pemerhatian saya, pemimpin dunia sememangnya berbakat dalam mendefinisikan dan menganalisis masalah, berbalah dan berbincang tanpa henti mengenai punca serta akibat.

Malangnya terdapat kekurangan dalam usaha mencari jalan penyelesaian yang nyata dan membina untuk mengorak langkah ke hadapan.

Ketika tiba giliran Perdana Menteri kita berkongsi tentang ekonomi Malaysia yang meningkat lebih daripada lima peratus tahun lalu, walaupun kebanyakan negara mengalami kadar pertumbuhan yang rendah dan ada yang masih mengalami kemelesetan, ramai di kalangan perwalian negara dunia melahirkan rasa kagum mereka.

Ini kerana saya memberikan pendapat mengenai beberapa negara yang (lihat carta) sedang dirundung masalah ekonomi.

Sebagai contoh, Amerika Syarikat (ekonomi terbesar dunia) masih dibelenggu masalah pinjaman kerajaan yang mengatasi nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). KDNK adalah nilai jumlah barangan dan perkhidmatan yang dihasilkan dalam sebuah ekonomi setahun.

Ini adalah bajet defisit fiskal. Ia berlaku apabila bajet perbelanjaan melebihi hasil dan mencecah sehingga 10 peratus daripada KDNK.

Presiden Obama kini tidak cukup tangan dalam usahanya membendung defisit bajet dan hutang kerajaan dengan menggunakan formula cukai yang lebih tinggi dan pengurangan perbelanjaan.

Francois Hollande daripada parti sosialis yang baru dilantik sebagai Presiden pula kini ber-

gelung dalam situasi yang hanya boleh digambarkan sebagai penuh dengan kesukaran dan bahaya – meningkatkan cukai dan menggunakannya untuk mengeluarkan Perancis daripada kemelesetan.

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) seperti biasa sangat kritikal dan berpihak kepada langkah penjimatan. Sementara itu, Menteri Buruh, Michel Sapin menggunakan perkataan 'mufis', yang nyata kurang merdu untuk menggambarkan situasi Perancis.

Mengikut laporan, Hollande kini berdepan risiko perpindahan besar-besaran golongan penduduk yang mempunyai nilai harta bersih tinggi daripada negaranya. Ini termasuklah bekas presiden, Nicolas Sarkozy dan isterinya, Carla Bruni yang mahu mengelakkan daripada membayar cukai yang mencecah 75 peratus.

Petikan laporan media pula mengatakan Perdana Menteri Britain, David Cameron yang harus membimbing negaranya keluar daripada kemelut ekonomi, telah berjanji membenarkan layanan istimewa bagi menarik kedatangan rakyat Perancis yang kaya.

Perancis bukanlah mufis seperti yang disangka. Dengan hutang kerajaan 86 peratus daripada KDNK dan unjuran pertumbuhan ekonomi daripada IMF 0.3 peratus pada 2012 dan 0.9 peratus pada 2013, ia sememangnya bermasalah. Namun, defisit fiskalnya masih pada tahap tidak membimbangkan iaitu 4.5 peratus.

United Kingdom mengalami situasi ekonomi yang hampir serupa seperti Perancis dengan defisit fiskal yang lebih tinggi iaitu sembilan peratus dan hutang kerajaan melebihi 80 peratus daripada KDNK.

Biarpun mengalami situasi yang sama, unjuran pertumbuhan IMF lebih berpihak kepada mereka dengan 1.0 peratus pada 2012 dan 1.9 peratus pada 2013.

Britain masih berusaha untuk menghasilkan pertumbuhan di sebelah langkah penjimatan.

Beralih pula ke Asia Barat, Mesir mengalami nasib yang serupa seperti kebanyakan negara di benua yang sama. Mereka kini sedang berhadapan dengan natijah pergolakan yang lebih dikenali sebagai kebangkitan Arab.

Pertumbuhan Asia positif

Sementara itu, Asia mempunyai pertumbuhan yang lebih positif terutama China yang mendapat unjuran 8.9 peratus.

Negara Asia juga tidak terlepas daripada dibayangi masalah kelambanan global dengan mencatatkan pertumbuhan yang agak perlahan.

Ekonomi India diunjurkan mengalami penurunan pertumbuhan daripada 7.9 peratus pada tahun ekonomi yang lebih baik sebelum ini kepada hanya lebih kurang lima peratus. Korea Selatan dan Singapura juga menga-

INFO

Negara Terpilih: Sorotan Ekonomi



PERANCIS

- ⊗ Hutang kerajaan 86 peratus daripada KDNK dan bajet/defisit fiskal 4 peratus
- ⊗ Presiden Hollande memilih dasar cukai dan perbelanjaan. Tidak berminat kepada penjimatan
- ⊗ Pertumbuhan 0.3 peratus (2012) dan unjuran 0.9 peratus (2013)



UNITED KINGDOM

- ⊗ Hutang kerajaan 81 peratus daripada KDNK dan bajet/defisit fiskal sembilan peratus
- ⊗ Dasar Cameron: Langkah penjimatan kurangkan defisit dan tingkatkan cukai
- ⊗ Ekonomi berkembang satu peratus (2012) dan berkembang 1.9 peratus (2013)
- ⊗ Perlu strategi rangsang ekonomi



AMERIKA SYARIKAT

- ⊗ Hutang kerajaan 102 peratus daripada KDNK dan defisit fiskal 10 peratus
- ⊗ Dasar Obama: tingkatkan cukai dan kurangkan perbelanjaan
- ⊗ Penurunan mendadak "Jurang Fiskal" mungkin berlaku awal 2013
- ⊗ Pertumbuhan ekonomi dua peratus (2012) dan tiga peratus (2013)



CHINA

- ⊗ Hutang kerajaan 26 peratus daripada KDNK, lebih fiskal
- ⊗ Pertumbuhan KDNK adalah antara lapan hingga sembilan peratus
- ⊗ Sistem Perbankan: Tiada aliran bebas modal ke dalam dan luar negara



MALAYSIA

- ⊗ Hutang kerajaan adalah 53 peratus daripada KDNK, defisit fiskal 4.5 peratus
- ⊗ Program transformasi untuk mencapai status negara maju menjelang 2020 (pendapatan per kapita AS\$ 15,000)
- ⊗ Perkongsian swasta-awam memupuk pertumbuhan
- ⊗ Sasaran pertumbuhan mapan dengan pembangunan seimbang
- ⊗ Pertumbuhan KDNK lima hingga enam peratus

Sumber: IMF, Wikipedia

lami penurunan sehingga mencatatkan pertumbuhan hanya dua peratus.

China (lihat carta) mencatatkan lebihan fiskal dan tidak mempunyai masalah hutang kerajaan kerana hutangnya hanya satu perempat daripada KDNK.

China adalah pengeksport utama dan mempunyai polisi kewangan longgar serta kadar faedah di bawah kadar inflasi untuk mengekalkan kadar pertukaran mata wangnya.

Tindakan ini menggalakkan perbelanjaan dan membantu memacu ekonomi. Tetapi, menjadi pengeluar kos rendah secara berterusan ada risikonya sendiri.

Pengalaman negara lain harus dijadikan iktibar kerana rekod menunjukkan bahawa had terhadap sejauh mana ia akan menyumbang ke arah pertumbuhan dan terdapat kemungkinan gelembung ekonomi akan terjadi.

Kita pula berhadapan dan sedang mengatasi masalah negara sendiri. Kemajuan pesat bukanlah menjadi tujuan utama kita. Sebaliknya, sebuah pertumbuhan mapan menjadi sasaran negara.

Ini bagi mengelakkan tekanan atau gelembung ekonomi dan segala perubahan dapat diserap secara beransur-ansur melalui pengalihan sumber yang optimum untuk membolehkan pertumbuhan terjadi.

Pelan transformasi kita adalah sesuatu yang holistik dan berwawasan, mempunyai strategi serta berkait rapat dengan pelaksanaan projek pemangkakan projek pemangkakan yang diusahakan bersama sektor

swasta. Tindakan ini bertujuan supaya hasilnya dapat disalurkan secara kolektif ke tahap ekonomi yang lebih luas.

Pembangunan menyeluruh

Langkah juga telah diambil untuk memastikan pembangunan yang seimbang agar ia bersifat menyeluruh dan merangkumi semua golongan rakyat supaya tiada yang terkecual dalam pembangunan yang diusahakan di seluruh negara.

Hala tuju Malaysia bukan saja mempunyai pendapatan yang tinggi, malah kemapanan dan keterangkuman turut menjadi sasaran kita.

Kita mempunyai sebuah program dan bukan sekadar sebuah pelan – kita mempunyai sasaran, dana dan telah membuat unjuran hasilnya. Ini turut mengambil kira isu kemanusiaan seperti kualiti kehidupan.

Datuk Seri Najib Razak mengemudi transformasi negara apabila dilantik menjadi Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada April 2009.

Beliau berjanji untuk "mengubah Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi, ekonomi yang inklusif dan mapan dengan sasaran Pendapatan Negara Kasar (PNK) perkapita AS\$15,000 menjelang Wawasan 2020".

Sudah terdapat bukti yang mencukupi untuk menunjukkan kejayaan, antaranya seperti:

1. Dalam hanya tempoh dua tahun, kita telah melakukan sesuatu yang jarang dicapai di dunia ketika ini dengan mening-

katkan PNK sebanyak 45 peratus daripada AS\$6,700 pada Disember 2009 kepada AS\$9,700 pada Disember 2011.

2. KDNK kita meningkat lebih daripada lima peratus pada 2012. Christine Lagarde, Ketua Tabung Kewangan Antarabangsa berkata ketika berjumpa dengan Perdana Menteri kita, "Malaysia satu-satunya negara di mana mereka terpaksa menyamak semula unjuran kepada kadar lebih baik".

3. Kedua-dua angka pelaburan sektor swasta dan juga pelaburan asing kita secara langsung adalah yang tertinggi yang pernah kita lihat dalam tempoh 10 tahun.

4. Situasi pasaran saham kita adalah teguh. Permodalan pasaran meningkat 30 peratus, daripada RM1.12 trilion pada Ogos 2010 kepada RM1.46 trilion pada November 2012.

5. Bersandarkan ekonomi yang mapan, hasil Kerajaan mencapai rekod nilai tertinggi yang pernah dicapai, iaitu RM183 bilion pada 2011 manakala bagi 2012, Kementerian Kewangan menjangkakan untuk memecahkan rekod itu dengan unjuran hasil kira-kira RM207 bilion.

Justeru, kita berada dalam kedudukan fiskal yang sihat untuk melaksanakan lebih banyak inisiatif inklusif untuk semua golongan rakyat di bawah program transformasi kita.

Contohnya, BR1M untuk membantu golongan yang memerlukan serta berbelanja besar untuk membangunkan infrastruktur luar bandar dan pengangkutan awam bandar, termasuk MRT.

6. Seperti dijanjikan sebelumnya, Malaysia berjaya mengurangkan defisit fiskal dengan stabil daripada 6.6 peratus pada 2009, kepada 5.6 peratus pada 2010 dan 4.8 peratus pada 2011. Walaupun angka ini belum diumumkan secara rasmi, kami menjangkakan pengurangan defisit fiskal berterusan pada 2012.

Setelah mengkaji situasi negara lain sewaktu berada di Davos, saya bertambah yakin daripada sebelumnya bahawa kita melakukan perkara yang betul melalui program transformasi dan kerjasama rapat dengan sektor swasta untuk mencapai matlamat yang sama.

Pendapat ini bukan sekadar syok sendiri. Di Davos, banyak negara menyatakan minat untuk melawat dan belajar daripada kita. Banyak syarikat yang mahu datang dan melapur untuk pertumbuhan masa depan Malaysia. Kita mengalu-alukan kedatangan mereka.

Penulis

Ialah Ketua Eksekutif Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Komen adil dan saksama adalah dialu-alukan melalui idrisjala@pemandu.gov.my